

'Jangan taasub angkat Anwar jadi PM'

BH - 9/12/2019 mlr: 5.

Ahli dan pemimpin PKR tidak boleh terlalu taasub dengan agenda mengangkat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri (PM) kelapan sehingga melupakan agenda sebenar parti, kata Naib Presiden PKR, Tian Chua.

Menyifatkan PKR seolah-olah terlupa agenda utamanya yang selama ini memperjuangkan reformasi dan membela nasib rakyat, beliau mengakui kecewa kerana dalam meraikan ulang tahun parti pada kongres kali ini, pimpinan dan ahli PKR sepatutnya terus memperkukuh agenda perjuangan dan membela rakyat.

"Sebaliknya, (kongres) jadi medan mengampu, mengipas secara bergilir-gilir (untuk) Anwar sebagai PM kelapan. Pada kongres ini, bukan isu Anwar jadi Perdana Menteri kelapan. Isu ini sudah ditetapkan dalam Pakatan Harapan (PH), ketika meja rundingan PH.

"Saya cabar semua, kita boleh buat (kongres) sekarang ini dalam keadaan selesa kerana ada kemudahan mudah (sebagai kerajaan). Cuba fikirkan dua tahun lalu, nak sebut 'Hidup Anwar', berapa ramai yang berani?" ka-



Reaksi perwakilan membantah ucapan penggulungan Tian Chua pada Kongres Nasional Keadilan Ke-14 di MITC, Ayer Keroh, semalam.

(Foto Rasull Azli Samad/BH)

tanya dalam ucapan penggulungannya, semalam.

Ucapan bekas Ahli Parlimen Batu itu beberapa kali terganggu oleh jeritan sindiran dan sorakan 'boo' perwakilan apabila beberapa nama termasuk Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin dan pemimpin

lain dikaitkan dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu disebutnya sehingga Anwar terpaksa meminta mereka berhenti bersorak.

Dalam pada itu, Tian Chua mengingatkan ahli parti supaya tidak melupakan pengorbanan dan perjuangan pelbagai pihak yang turut melalui perit getir sepanjang 20 tahun bersama PKR ke-

tika Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengemudi bersama Mohamed Azmin.

"Walaupun ramai dalam kalangan kita tidak bersependapat, bergaduh, berselisih, jangan lupa akan sejarah ini," katanya sambil menegaskan, akan terus bersuara dalam PKR walaupun dianggap bertentangan bagi memastikan parti itu terus mengangkat agenda diperjuangkan selama ini.

Seorang lagi Naib Presiden, Dr Xavier Jayakumar pula mengingatkan, PKR mungkin tidak mampu berkuasa lama jika ahli dan pemimpinnya tidak bersatu serta berbalah sesama sendiri kerana rakyat sedang memerhati setiap pergerakan parti yang dilihat seolah-olah cacamerba dengan pemimpinnya sering bergaduh dan bercakaran.

"Kita kena tunjukkan kepada rakyat bahawa kita mampu perintah 10 tahun atau lebih, kita tidak boleh lawan sesama sendiri dalam parti ini. Orang akan tanya, apa sudah jadi dengan PKR? Kenapa pemimpin bergaduh tatkala kita sama-sama meraikan penubuhan 20 tahun parti ini," katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan.